

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/312281889>

# PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENDIDIKAN ISLAM MEMBENTUK PENGHAYATAN AKIDAH DI KALANGAN PELAJAR DI NEGERI PERAK

Conference Paper · May 2016

CITATION

1

READS

9,545

1 author:



**Mohd syaubari Othman**

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

13 PUBLICATIONS 6 CITATIONS

SEE PROFILE

Some of the authors of this publication are also working on these related projects:



Pelaksanaan amalan pengajaran guru pendidikan Islam mengintegrasikan KBAT di dalam mata pelajaran pendidikan Islam [View project](#)



Hubungan KBAT dalam Pendidikan Islam Menurut Abdullah Nasih Ulwan [View project](#)

# **PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENDIDIKAN ISLAM MEMBENTUK PENGHAYATAN AKIDAH DI KALANGAN PELAJAR DI NEGERI PERAK**

Mohd Syaubari Othman<sup>1</sup> & Ahmad Yunus Kassim<sup>2</sup>

<sup>1</sup>syaubari@gmail.com, <sup>2</sup>yunus@fsk.upsi.edu.my

<sup>1</sup>Sekolah Kebangsaan Seri Samudera, Manjung, Perak

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam membentuk penghayatan akidah di kalangan pelajar. Kajian ini di jalankan di Negeri Perak dan merupakan kompenen daripada kajian utama iaitu amalan pengajaran guru kemahiran berfikir aras tinggi di Malaysia. Komponen berfikir aras tinggi(KBAT) seperti kemahiran banding beza, kemahiran menyusun urutan, kemahiran membuat ramalan, kemahiran membuat definasi dan kemahiran mencipta analogi yang di lihat dalam tiga komponen utama penghayatan akidah iaitu kefahaman, perasaan dan kesan . Kajian ini menggunakan analisis diskriptif (melalui instrumen soal selidik). Kesemua instrumen pengutipan data ini dibina oleh pengkaji dengan pengubahsuaian daripada instrument KBAT Kementerian Pendidikan Malaysia dan kajian-kajian penghayatan akidah terdahulu. Instrumen kandungannya disahkan oleh panel rujukan pakar. Tahap nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach yang diperolehi adalah tinggi iaitu antara (0.82173). Seramai 80 orang pelajar sekolah menengah dipilih secara rawak berstrata dan berkelompok untuk menjawab instrumen soal selidik. Data kajian di analisis secara deskriptif menggunakan frenkuensi dan peratusan min. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati amalan pengajaran guru berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi adalah berada pada tahap tinggi menerusi min bagi keseluruhan (4.43) dan berdasarkan komponen penghayatan akidah (kefahaman) yang mencatatkan min (4.45), penghayatan akidah(perasaan) mencatatkan min (4.44) dan penghayatan akidah (kesan) mencatatkan min (4.40). Implikasi dan cadangan yang dikemukakan dapat memberi gambaran yang bermanfaat kepada kementerian, sekolah, guru dan masyarakat dalam meningkatkan tahap amalan pengajaran guru dalam memastikan tahap penghayatan akidah dapat dimantapkan berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) seperti yang dihasratkan di dalam Kementerian Pendidikan Malaysia

**Kata Kunci :** Pengajaran Akidah, Penghayatan Akidah, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

## **PENGENALAN**

Kemahiran berfikir aras tinggi adalah kemahiran yang memerlukan mengorganisasikan pemikiran berdasarkan keupayaan untuk menghuraikan, menterjemahkan, mencipta, merefleksikan dan menghubungkan dengan situasi semasa. Penekanan KBAT ini dalam sistem pendidikan negara adalah lanjutan daripada pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang telah dilaksanakan bermula 1993. Proses pelaksanaan KBAT di Malaysia adalah bersumberkan taksonomi bloom dan diubahsuai oleh Lorin Anderson menerusi empat heiraki teratas iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Transformasi kurikulum pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM ) 2013-2025 memberi penekanan utama terhadap konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berupaya melahirkan generasi mempunyai keupayaan dalam pemikiran kritis dan kreatif. Pendekatan ini diperkenalkan untuk mencapai matlamat utama pendidikan iaitu menghasilkan lebih banyak pelajar yang mempunyai keupayaan kognitif aras tinggi melalui pedagogi secara pembelajaran aktif di dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun, matlamat masih belum tercapai sepenuhnya maka pelbagai pendekatan telah diperkenalkan untuk menghasilkan modal insan yang cerdas, kreatif dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke-21 agar negara mampu bersaing di persada dunia. Menurut (Amabile et al, 2010).

*“Jika inginkan pelajar yang berpotensi untuk berfikir dan mampu menyelesaikan masalah kita perlu mula menyediakan tugas-tugas yang kompleks yang berkognitif tinggi”.*

Maka pengertian ini bertepatan dengan penekanan yang diberikan oleh Islam iaitu keupayaan akal merupakan elemen utama dalam pembentukan pelajar yang bersifat holistik iaitu keseimbangan di antara kecemerlangan akademik dan kematapan sahsiah. Islam menekankan penggunaan keupayaan akal yang optimum sejak berates tahun dahulu sebelum barat memperkenalkan, namun ianya tidak digarapkan dan ditransformasikan sehingga memperlihatkan bahawa ilmu barat yang meneroka pemikiran aras tinggi ini. Ini dibuktikan daripada ayat Al-Quran.

*Terjemahan : Ia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang ia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata). Dan Dialah yang Amat halus (melayan hamba-Nya dengan belas kasihan), lagi amat mendalam pengetahuan-Nya.(Surah al-Anam 6:103)*

Ini di sokong daripada ungkapan oleh Muaz Bin Jabal ketika ditanya oleh Rasulullah s.a.w :

*“Bagaimana engkau akan memutuskan hukum jika ditanyakan perkara kepadamu?” Mu’adz menjawab, “Saya akan memutuskan perkara itu sesuai dengan hukum Allah (Kitabullah). Apabila aku tidak menjumpai di dalam Kitabullah, aku akan memutuskan dengan Sunnah Rasulullah, saya akan melakukan ijtihad dengan kemampuanku”.* (Abd Karim Zaidan, 2006).

Maka proses transformasi Pendidikan Islam telah dirangka berdasarkan pelaksanaan pengajaran guru di sekolah melalui pengubahsuaian melibatkan komponen keupayaan kurikulum, pembentukan budaya sekolah, penambahbaikan pengetahuan guru dan tahap kemampuan pelajar mengaplikasi setiap isi kandungan pembelajaran yang diperolehi agar matlamat pengenalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berorientasikan KBAT dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya membentuk penghayatan akidah yang mantap di kalangan pelajar. (Noor Hisham, 2011 ; Zuraidah, 2013).

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

### **Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)**

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi menurut (Brookhart, 2010) adalah mempersoalkan, berupaya, memahami dan menganalisa sesuatu untuk memahami pemikiran sendiri dan orang lain. Di antara aktiviti yang boleh dijalankan untuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini adalah melalui berfikir aktif, melihat konteks persekitaran berdasarkan persepektif yang berbeza dan menyusun setiap idea dengan teratur (Sukiman Saad et al, 2013). Maka dalam kajian ini akan menggunakan pembolehubah iaitu kemahiran dalam melaksanakan KBAT di dalam pengajaran guru seperti berikut :

#### **i) Kemahiran membuat kategori**

Kemahiran ini memerlukan keupayaan pelajar untuk membina kefahaman tentang perbezaan yang wujud dalam sesuatu kandungan seperti amalan ibadah yang dikategorikan ibadah atau yang dikategorikan adat. Maka menjadi keperluan kefahaman pelajar di isi dengan pengetahuan amalan ibadah dan adat seperti yang terdapat di dalam kandungan pengajaran (Zainuddin et al, 2005)

#### **ii) Kemahiran menyusun mengikut urutan**

Penyusunan mengikut urutan adalah kemahiran yang dijana menerusi pemikiran yang kritikal dan tersusun. Penyusunan ini melibatkan sama ada daripada abstrak kepada kejelasan, mudah kepada susah, khusus kepada umum dan keutamaan kepada kebiasaan. Penyusunan ini dilakukan dengan mengumpul keseluruhan kandungan isi penyusunan dan kemahiran ini memerlukan penganalisaan yang tinggi di dalam memastikan susunan yang dilakukan adalah bertepatan dengan struktur ilmu terbabit (N.S Ragendran, 2001 ; Zainuddin et al, 2005).

**iii) Kemahiran membuat ramalan**

Kemahiran mengandaikan perkara yang dijangka berlaku daripada pendekatan yang kita gunakan adalah melalui terma-terma yang telah ditetapkan. Keupayaan untuk menjangka ini memerlukan menganalisis dan menilai keseluruhan item agar segala dapatan menuju kepada perkembangan yang sepatutnya. Kemampuan membuat ramalan mampu menjadi pembudayaan untuk menganalisis adalah sebahagian kerangka penerapan kepada para pelajar (Shahrom et al, 2008).

**iv) Kemahiran menjana idea**

Keupayaan pelajar untuk mengembangkan fakta yang di dapati berdasarkan pengetahuan yang disampaikan oleh guru. Proses penjanaan idea ini memerlukan penstrukturan dan panduan agar idea yang dikembangkan bertepatan dengan kehendak objektif yang dikendaki. Proses penjanaan idea memerlukan penguasaan kemahiran oleh guru melalui kefahaman berkaitan bagaimana idea yang seharusnya dikembangkan dan dihubungkan dengan idea yang lain.(Wan Mat et al, 2011).

**v) Kemahiran mencipta definasi**

Keupayaan pelajar untuk mendefinisikan sesuatu perkara menandakan kefahaman yang ada pada pelajar. Definasi merupakan gambaran keseluruhan sesuatu kandungan ilmu yang menjadi kerangka untuk penghuraian seterusnya yang lebih mendalam. Guru bertanggungjawab membimbing pelajar untuk mempunyai kemahiran dalam pendefinisian sesuatu kandungan ilmu walaupun setiap pelajar mungkin mempunyai kepelbagaian definasi tetapi selagi berada di dalam lingkungan ilmu tersebut, maka definisi harus diterima (Zainuddin et al, 2005 ; Wan Mat et al, 2011).


**vi) Kemahiran mencipta analogi**

Proses kemahiran untuk mencipta perumpamaan atau analogi memerlukan kefahaman yang sepenuhnya dalam kandungan ilmu kerana menghubungkan kaitkan kandungan ilmu dengan situasi semasa memerlukan keupayaan menganalisa dan mengaplikasi yang tinggi di kalangan pelajar. Ketidakmampuan untuk mencipta analogi menandakan penguasaan yang belum sepenuhnya berkaitan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), maka guru perlu menerapkan kemahiran ini di dalam setiap pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang di jalankan.( Zainudin et al, 2005 ; Shahrom & Nur Laili, 2008).

Pelaksanaan KBAT ini melibatkan keseluruhan kandungan pembelajaran dan komponen di sekolah termasuk mata pelajaran pendidikan Islam. Pengenalan kurikulum, pedagogi dan penilaian yang menekankan KBAT ini di masukkan ke asas Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula diperkenalkan pada tahun 2011. Pembentukan kurikulum ini bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) menuntut pembelajaran Pendidikan Islam mengaplikasikan konsep penghayatan dan pengamalan dalam kehidupan seharian seiring dengan penekanan yang ditekan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah (Zuraidah, 2013)

## **PENGHAYATAN AKIDAH**

Kerangka penghayatan akidah berdasarkan pendekatan Imam Ghazali di lihat dalam tiga konteks utama iaitu kefahaman, perasaan dan amalan. Konstruk di perlukan dalam memastikan asas akidah yang berada di dalam diri pelajar adalah bersumberkan kefahaman yang jelas daripada Al-Quran, hadis dan nukilan ilmuwan Islam. Kesemua elemen ini mampu menjadi benteng kepada segala permasalahan yang menglingkari di kalangan pelajar seperti gejala gansterisme, hedonisme, kerosakan akhlak dan hiburan yang keterlaluan. (Norsaleha, 2013)



Maka pelaksanaan yang bertepatan bermula daripada amalan pengajaran guru dan ini akan meninggalkan kesan yang mendalam kepada pelajar tersebut. Kesan itu akan dilihat dalam bentuk ikhlas, sabar, syukur, takut, harap, kasih dan benar serta mencintai Allah dan Rasul. Oleh itu hati akan terhindar daripada sifat tercela seperti sombong, ujub, hasad, dengki, riya', marah yang semuanya adalah berpunca daripada syaitan. Hati yang bersih ini akan memperlihatkan kesannya kepada tindakan fizikal yang berkait rapat dengan tingkah laku terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan lain-lain. Menurut Sayid Sābiq (2000) seorang yang beriman kepada Allah SWT akan mempunyai hati yang merdeka, berani, yakin kepada Allah, ketenangan hati, pergantungan yang penuh kepada Allah dan kehidupan yang makmur dan aman.

Oleh itu, kajian ini akan melihat bagaimana tahap penghayatan pelajar sekolah menengah dalam pelaksanaan KBAT yang menuntut cabaran berbeza daripada penerapan bagi peringkat golongan dewasa. Aspek guru dan bagaimana guru mengaplikasi teori pemikiran Imam Ghazali di selarikan model pemikiran aras tinggi oleh Bloom dan Lorin Anderson menjadi kerangka teoritikal dalam kajian ini. Gabungan daripada ilmuan Islam dan barat ini mampu menghasilkan satu kerangka aras pemikiran tinggi untuk mata pelajaran pendidikan Islam dalam memastikan keberkesanan tahap penghayatan akidah pelajar tanpa mengesampingkan asas heiraki pemikiran yang telah diperkenalkan oleh Bloom dan Anderson.

## PERNYATAAN MASALAH

Al-Quran amat menekankan penggunaan akal yang seharusnya melibatkan elemen kefahaman, pengaplikasian, penghayatan dan penerapan dalam kehidupan seharian. Maka peranan akal dibahaskan di dalam Al-Quran dengan matlamat bagaimana manusia boleh menggunakan akal seiring dengan peredaran pemikiran manusia pada abad ini. Ini boleh diperjelaskan melalui firman Allah S.W.T bermaksud: (Al-Shafi'I, 2010).

*“Apakah mereka tidak memperhatikan kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang diciptakan Allah, dan (memikirkan) kemungkinan telah dekatnya kebinasaan mereka? Maka kepada berita manakah lagi sesudah (datangnya al-Quran) itu mereka akan beriman?”*  
(al-A'raf, 7: 185)

Maka proses perkembangan budaya penggunaan akal ini di aplikasikan kepada proses pendidikan yang merupakan asas utama kepada perkembangan penggunaan akal dan pemikiran yang beraras tinggi di kalangan pelajar dan ini seiring dengan kehendak Al-Quran dan As-Sunnah (Sidek Baba, 2010). Walaupun tumpuan utama kepada mata pelajaran seperti matematik dan sains, mata pelajaran pendidikan Islam juga tidak terkecuali dalam menerapkan elemen pemikiran aras tinggi kerana ianya merupakan saranan yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran (Khairiah, 2013).

Atas kerangka keupayaan penggunaan akal ini masyarakat dunia mempercayai bahawa pengetahuan dan kemahiran sangat diperlukan oleh pelajar dalam menghadapi cabaran di abad ke-21. Walaupun terdapat perbezaan dari segi maksud terminalogi kemahiran abad ke-21 (*21st century skills*) di antara negara-negara di dunia, namun kesemuanya memberi penekanan terhadap pengetahuan, kemahiran dan nilai (Saavedra & Opfer, 2012). Selain itu, Laporan yang dikeluarkan oleh *Perunding Kestrel Education* daripada England dan *21st Century School* daripada Amerika Syarikat pada 2011 menyatakan bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan pelajar di Malaysia masih rendah.

Berdasarkan kajian yang dilakukan bagi guru melaksanakan pengajaran yang mengandungi pedagogi berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), ianya berupaya untuk meningkatkan kefahaman dan perubahan dalam amalan sikap pelajar (Boaler, 2008; Siti Marlina, 2013 ; KPM, 2014). Apabila kefahaman wujud dalam diri pelajar, maka penghayatan terbentuk melalui kerangka yang mantap dan kukuh di dalam diri pelajar.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh (Ab. Halim Tamuri et.al.,2010) dalam kajian terhadap 89 daripada 91 orang pelajar yang ditemubual dan melakukan pemerhatian di negeri Selangor, Perak dan Terengganu mendapati bahawa kaedah pengajaran yang kerap digunakan guru ialah kaedah kuliah dan penerangan dalam pengajaran pendidikan Islam. Ini bererti kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam masih berpusatkan guru dan ini menjejaskan tahap kefahaman pelajar bagaimana untuk mengaplikasikan kandungan pengajaran yang disampaikan oleh guru di kalangan pelajar. Kajian ini disokong berdasarkan kajian (Wan Hassan et al, 2013) mendapati guru-guru pendidikan Islam dalam pengajaran mata pelajaran pendidikan Islam, tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran pendidikan Islam di sekolahberada pada tahap sederhana sahaja disebabkan tumpuan pengajaran kepada kaedah penerangan sahaja. Ini bertentangan dengan amalan pengajaran KBAT yang mengkehendaki BBM digunakan secara optimum bagi menjelaskan sesuatu permasalahan terutama isu-isu akidah yang sepatutnya di paparkan menggunakan tayangan video, internet interaktif dan jaringan maya

Ini seiring dengan kajian yang dilakukan oleh (Kamarul Azmi et al, 2012) mendapati guru pendidikan Islam menyampaikan pengajaran menggunakan 80% kaedah kuliah dan syarahan dalam sesuatu masa yang diperuntukkan. Ini menyebabkan wujudkan elemen kebosanan, tiada kefahaman, tidak dapat mengaitkan dengan situasi semasa, mengantuk dan hilang tumpuan di kalangan pelajar. Ini dibuktikan berdasarkan kajian (Siti Marlina, 2013) pelajar sekolah menengah memerlukan kepelbagaian kaedah bagi membentuk kefahaman yang kukuh dan dari situ ianya akan diterjemahkan melalui amalan seperti amalan dosa, pelajar yang memahami dengan jelas apa itu dosa, maka perkara yang melibatkan dosa akan ditinggalkan dan tidak dilaksanakan

Akibatnya, generasi Islam yang dihasilkan mungkin bijaksana dan tinggi tahap perkembangan akademik tetapi pada hakikatnya ketidak mampuan menterjemahkan kefahaman yang diperolehi dalam bentuk penghayatan akidah yang mantap serta bertepatan dengan syariat Allah S.W.T. Maka menjadi keperluan keseimbangan ini di praktikan dalam setiap diri pelajar dan ini menjadi keperluan KBAT untuk dilaksanakan di dalam Pendidikan Islam seiring dengan penerapan bagi subjek lain seperti sains dan matematik (Rosnani Hashim, 2012).

Maka, kajian ini akan melihat pelaksanaan KBAT dalam mata pelajaran pendidikan Islam bagi membentuk penghayatan akidah pelajar dengan pembahagian tiga komponen utama iaitu kefahaman, perasaan dan kesan amalan. Keupayaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini dilihat berdasarkan (kemahiran membuat kategori, menyusun mengikut urutan, membuat ramalan, membanding dan membeza, kemahiran menjana dan menghasilkan idea, mencipta definisi, metafora dan kemahiran mencipta analogi).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- i) Mengenalpasti pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam membentuk penghayatan akidah pelajar dari aspek kefahaman
- ii) Mengenalpasti pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam membentuk penghayatan akidah pelajar dari aspek perasaan
- iii) Mengenalpasti pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam membentuk penghayatan akidah pelajar dari aspek kesan amalan

## KAJIAN KEPUSTAKAAN

Penekanan Al-Quran merupakan pencetus kepada tranformasi pendidikan Islam pada bab ini melalui penggunaan akal untuk meneroka kefahaman terhadap sesuatu isu yang diperbahaskan. Al-Quran telah membicarakan kepentingan akal 1400 tahun lepas iaitu bagaimana meneroka ilmu dan menterjemahkan ke dalam kehidupan tetapi proses itu difahami dalam konteks bidang teologi tanpa memperkembangkan kepada ilmu-ilmu keduniaan lain, maka dunia barat telah mengeluarkan teori yang melihat akal dan pemikiran sebagai sesuatu yang bernilai dan perlu di dimanfaatkan, maka wujud kepelbagaian ilmu yang meletakkan penerokaan akal sebagai teras utama. Ilmu-ilmu seperti ilmu kemahiran berfikir, ilmu logik, ilmu meta kognisi, ilmu pemikiran aras tinggi dan ilmu reflektif menghuraikan bagaimana proses pemikiran itu dijalankan dan hasil daripada ilmu ini berbagai pendekatan, teori dan kaedah pengajaran diperkenalkan dalam memastikan proses kefahaman manusia mempunyai asas yang berstruktur dan bersistematik (Azhar Ahmad, 2006)

Tahap pengujian yang dilaksanakan kepada para pelajar menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan di dalam penguasaan pelajar di dalam pelaksanaan KBAT di dalam bilik darjah. Maka terpanggil daripada isu ini, pihak kementerian telah melaksanakan dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menggariskan enam aspirasi yang wajar dimiliki oleh setiap pelajar demi menghadapi cabaran globalisasi dan semasa, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu:

- Pengetahuan
- Kemahiran berfikir
- Kemahiran memimpin
- Kemahiran dwibahasa
- Etika dan kerohanian
- Identiti nasional.

Kerangka kemahiran berfikir ini diterjemahkan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang diterapkan kepada 7 elemen utama iaitu kurikulum, pentaksiran, pedagogi, kokurikulum, bina upaya, sumber dan sokongan komuniti & swasta. Penjalinan semua elemen ini akan memastikan proses pelaksanaan KBAT ini dapat mencapai matlamat dan hasrat yang ditetapkan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015)

Kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Bahagian Pembangunan Kurikulum membuktikan penekanan kepada kemahiran berfikir aras tinggi ini perlu melibatkan pembangunan keupayaan guru dalam pengajaran yang melibatkan hampir semua negara di dunia dengan matlamat melahirkan pelajar yang berdaya saing, berpengetahuan, berfikiran kritis, kreatif, berkemahiran dan berkemampuan mencipta idea baru (Savendra & Opfer, 2012 ; Brookhart, 2012). Oleh itu, penerapan KBAT ini kepada para pelajar di dalam mata pelajaran pendidikan Islam menjadi pengukuran sejauh mana pelajar berkemampuan mengaplikasi, menganalisis dan menghayati segala asas sama ada melibatkan aspek akidah, akhlak dan ibadat Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh *American Management Association (AMA)* dan *Partnership Malaysia for 21<sup>st</sup> Century Skill* pada 2010 berkaitan tahap keperluan kemahiran yang diperlukan oleh pelajar untuk cemerlang dalam pembelajaran abad ke 21. Ini berdasarkan jadual 1

**Jadual 1** : Tahap keperluan pembelajaran abad ke 21.

Kemahiran	Peratusan
Kemahiran Berfikir Kritikal	97%
Kemahiran Komunikasi	95%
Kemahiran Kreativiti dan Inovasi	92%
Kerjasama dalam Kumpulan	92%

Berdasarkan jadual 1 ini membuktikan keperluan pembentukan pelajar yang mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran, krtikal, kreatif, kritis dan berinovasi. Pembentukan pelajar yang berkemampuan mengaplikasikan pengahayatan akidah lebih baik sekiranya ianya dimulakan dari peringkat sekolah kerana kemampuan pelajar untuk menyerap segala maklumat adalah lebih baik dan berkesan (Abdullah Nasir Ulwan, 2002). Kemahiran berfikir berkembang apabila pelajar terlibat dalam aktiviti yang memberi peluang mereka memerhati, berimajinasi dan meneroka berdasarkan keperluan untuk menguji sikap berdikari pada peringkat perkembangan kehidupan iaitu di alam remaja. (Khalid. T, 2010)

(Sarmah et al, 2011) dalam kajiannya berkaitan persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru pendidikan Islam di lima buah sekolah peringkat menengah di Selangor. Dapatan kajian menunjukkan amalan pengajaran guru bersandarkan KBAT berada pada tahap tinggi dengan komponen permulaan pengajaran seperti item memperkenalkan tajuk pengajaran (min 4.44), memastikan pelajar dalam keadaan bersedia (min 4.39), memulakan pengajaran dengan set induksi yang menarik (min 3.97) seterusnya amalan penggunaan BBM (min 3.66) berada pada tahap sederhana dan aspek penutup dan rumusan seperti menyoal pelajar (min 4.09), memberi nasihat (min 4.43), memberi latihan (min 4.43) juga berada pada tahap tinggi dan dapatan ini menunjukkan amalan guru pengajaran yang berkesan mampu memberi keupayaan kepada pelajar untuk melakukannya dan mengaplikasikannya.

Manakala kajian yang dijalankan terhadap pelaksanaan amalan pengajaran guru bagi peringkat sekolah menengah telah dilakukan oleh (Zuraidah, 2013) berkaitan kesediaan, amalan dan strategi pengajaran pendidikan Islam kurikulum standard sekolah menengah (KSSM) . Kajian tinjauan ini melibatkan 160 responden guru dari 101 buah sekolah. Dapatan kajian telah menunjukkan tahap kesediaan guru tinggi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KSSM dengan tidak ada perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru berdasarkan tempoh pengalaman mengajar. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa amalan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru adalah strategi pemusatan guru dan strategi pemusatan pelajar yang berteraskan amalan pengajaran KBAT. Ini membuktikan sememangnya terdapat pelaksanaan KBAT di dalam pengajaran guru

Bersandarkan kajian yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan (2006) menunjukkan jumlah remaja Melayu yang beragama Islam yang mengalami masalah emosi seperti kemurungan meningkat sebanyak 8.5% iaitu daripada 11.9% pada tahun 1996 kepada 20.4% pada tahun 2006. Kajian yang dilakukan oleh (Haslinda et al.,2009) terhadap 270 remaja dan belia Melayu di Lembah Kelang mendapati seramai 48 orang daripada responden yang dikaji terlibat dengan pengambilan dadah. Mereka bukan sahaja terlibat dengan pengambilan dadah, malah berani melakukan perbuatan yang dilarang oleh agama seperti menonton filem lucah (128 orang, 47.4%), melakukan hubungan seks (124 orang, 45.9%), minum minuman keras (112 orang, 41.5%) dan meninggalkan solat (77 orang, 59.2%). Kajian itu juga mendapati penglibatan golongan ini dalam masalah sosial disebabkan kurangnya didikan moral dan pengetahuan agama khususnya tentang akidah Islam kepada mereka..

Gabungan keseluruhan kajian ini membuktikan terdapat amalan pengajaran yang berkesan di kalangan guru dan ianya mampu diperkukuhkan lagi melalui penerapan elemen kemahiran berfikir aras tinggi melalui keupayaan guru melaksanakan (kemahiran membuat kategori, menyusun mengikut urutan, membuat ramalan, membanding dan membeza, kemahiran menjana idea, mencipta definisi dan kemahiran mencipta analogi) di dalam pengajaran dalam memastikan penghasilan pelajar yang memenuhi aspirasi nasional iaitu pelajar bukan sahaja mampu memahami dan menguasai tetapi mampu mengaplikasi serta menyumbangkan kefahaman untuk perkongsian bersama.



## **METODOLOGI KAJIAN**

### **i) Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah tinjauan yang bersifat kuantitatif. Hasil dapatan kajian ini dilihat melalui bentuk perkiraan yang merangkumi nombor dan formula tertentu. Menurut (Creswell, 2009) kaedah tinjauan merupakan satu cara yang spesifik bagi mengumpul maklumat berkenaan sekumpulan besar populasi. Kaedah tinjauan ini menggunakan kaedah soal selidik bertujuan untuk melakukan penilaian yang melibatkan 3 komponen utama

- a) Kefahaman yang melibatkan (memahami dengan jelas, mengetahui idea dan konsep, mampu memberi definisi dan setiap persoalan mampu dijawab)
- b) Perasaan pengajaran yang melibatkan (takut kepada Allah, pengharapan kepada Allah, yakin kepada janji Allah dan bersungguh dalam melakukan amalan)
- c) Kesan amalan yang melibatkan (beristiqamah, ikhlas dalam amalan, melakukan dengan terbaik dan amanah dalam setiap tindakan)

Kajian ini merupakan satu tinjauan awal yang hanya menggunakan soal selidik dan kaedah pengukuran berdasarkan ujian analisis deskriptif iaitu min bagi menentukan ciri-ciri pembolehubah tanpa melakukan generalisasi. Kajian ini menggunakan instrumen bagaimana pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dilaksanakan melalui pengajaran pendidikan Islam dalam membentuk penghayatan akidah di kalangan pelajar.

### **ii) Populasi dan Sampel Kajian**

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar bagi peringkat sekolah menengah di Perak yang berjumlah 385 orang dengan pembahagian taburan kajian menggunakan 3 zon utama di Perak melibatkan Perak Utara, Perak Tengah dan Perak Selatan berdasarkan jadual (Krajie & Morgan, 1970, Mohd Majid, 2005 ; Cohen, 2007) menerusi penentuan sampel daripada populasi jumlah yang bersesuaian ditetapkan 382 orang terlibat dalam kajian ini. Pelajar-pelajar yang terpilih dikategorikan berdasarkan jantina, lokasi, latar belakang keluarga dan kedudukan akademik di sekolah.

### **iii) Instrumen Kajian**

Instrumen kajian atau alat kajian yang digunakan dalam ujian ini adalah set soal selidik. Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian. Pada bahagian I terdapat beberapa item berkenaan latar belakang responden. Pada bahagian II pula adalah instrumen yang terdiri daripada 30 soalan berkaitan persoalan tahap penghayatan akidah di kalangan pelajar setelah mengikuti PdP KBAT. Semua soal selidik diteliti terlebih dahulu untuk memastikan responden telah mengikut arahan yang tepat agar dapat memberikan maklumat seperti yang diperlukan. Setelah berkeyakinan dengan item soal selidik, penyelidik menjalankan ujian terhadap responden kajian (Mohd Majid, 2005 ; Pallant J, 2010). Soal selidik ini telah diubahsuai daripada i) instrumen pengajaran guru berdasarkan KBAT yang dibangunkan oleh KPM. ii) Soal selidik yang dilakukan di dalam tesis PHD amalan penghayatan akidah yang dijalankan oleh Norsaleha. iii) Instrumen penilaian KBAT pendidikan Islam yang dibangunkan oleh Bahagian Pendidikan Islam dan Lembaga Peperiksaan Malaysia.

### **iv) Pengumpulan dan Analisis Data**

Dapatan data yang diperolehi ini akan dianalisis oleh penyelidik bagi menjawab persoalan kajian ini. Daripada data yang diperolehi adalah diharapkan agar penyelidik dapat mengenalpasti pelaksanaan penghayatan akidah pelajar melalui pengamalan pengajaran guru pendidikan Islam berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Kebolehpercayaan untuk soal selidik ini berada pada tahap tinggi iaitu nilai *Alpha Cronbach* mencatatkan (0.82173). SPSS 20.0 digunakan untuk mencari nilai kekerapan, peratus dan min. (Mohd

Majid, 2005 ; Pallant, 2010 ) Jadual 2 menunjukkan bagi nilai kebolehpercayaan melibatkan kefahaman akidah yang mencatatkan (0.7727), komponen perasaan akidah (0.8905) dan kesan mencatatkan (0.8020).

**Jadual 2** : Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

<b>Pembolehubah</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach</b>
Kefahaman	0.7727
Perasaan	0.8905
Kesan	0.8020

Skala Likert lima mata digunakan dalam kajian ini. Kaedah skor yang digunakan ialah Sangat Tidak Setuju (STS) dengan skor 1 mata, Tidak Setuju (TS) dengan skor 2 mata, Kurang Pasti (KP) dengan skor 3 mata, Setuju (S) dengan skor 4 mata dan Sangat Setuju (SS) dengan skor 5 mata. Data yang diperolehi ini di analisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min.

### ANALISIS DATA

Data telah di ringkaskan dan di analisis berdasarkan jadual 3 berdasarkan analisis frekuensi dan peratus untuk jantina, lokasi, latar belakang keluarga dan kedudukan akademik di sekolah guru pendidikan Islam dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pendidikan Islam dalam membentuk penghayatan akidah pelajar.

**Jadual 3** : jantina, lokasi, latar belakang keluarga dan kedudukan akademik di sekolah guru pendidikan Islam dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pendidikan Islam

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
<b>Jantina</b>		
1) Lelaki	136	54.61
2) Perempuan	249	45.38
<b>Lokasi</b>		
1) Luar Bandar	197	51.16
2) Bandar	188	48.83
<b>Kedudukan Akademik</b>		
1) Cemerlang	112	29.09
2) Sederhana	190	49.30
3) Lemah	83	21.55
<b>Latar Belakang Keluarga</b>		
1) Tinggi	167	43.37
2) Sederhana	173	44.93
3) Rendah	45	11.69

Berdasarkan jadual ini, jantina bagi guru yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 136 lelaki dan 249 perempuan dengan majoritinya berumur di dalam lingkungan 15-17 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar berada pada tahap produktif untuk memahami dan

mengamalkannya. Data ini juga membuktikan bahawa pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki dan merupakan perkara kebiasaan pada waktu ini di mana apa juga bidang, perempuan mengatasi lelaki

Bagi kategori kedudukan akademik, di dapati ramai pelajar yang berada pada tahap sederhana, ini menuntut pelajar meningkatkan komitmen pengetahuan berkaitan pengalaman pembelajaran yang berkesan dan guru juga seharusnya mempunyai keupayaan tinggi untuk menerapkan KBAT ini dalam pengajaran kerana penghayatan dan pengalaman merupakan salah satu daripada elemen di dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi iaitu guru berpengetahuan. Bagi kategori kedudukan akademik ini, di dapati guru yang mempunyai taraf cemerlang adalah seramai 112 orang dan peringkat lemah seramai 83 orang.

Untuk kategori lokasi sekolah di dapati pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar luar bandar seramai 197 orang dan bandar seramai 188 orang, ini menggambarkan keseimbangan di antara jumlah pelajar ini tidak akan mewujudkan permasalahan dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi ini disebabkan tahap penerimaan dan kemudahan yang sama disediakan KPM kepada pelajar bandar dan luar bandar.

## DAPATAN KAJIAN

Huraian berdasarkan analisis deskriptif iaitu min serta gambaran setiap item kajian.

**Jadual 4 :** Dapatan Keseluruhan Kajian

Pernyataan	Purata Min Tahap	
1. Pengaplikasian KBAT pada kefahaman	4.45	Tinggi
2. Pengaplikasian KBAT pada perasaan	4.44	Tinggi
3. Pengaplikasian KBAT pada kesan	4.40	Tinggi
<b>Purata</b>	<b>4.43</b>	<b>Tinggi</b>

## PERBINCANGAN

Perbincangan berkaitan hasil dapatan kajian adalah berdasarkan komponen penghayatan akidah yang terdiri daripada kefahaman, perasaan dan kesan.

### i) Dapatan kajian penghayatan akidah(Kefahaman)

Pengkaji mendapati pengaplikasian KBAT dalam mata pelajaran pendidikan Islam bagi membentuk penghayatan pelajar (perasaan) dikalangan pelajar sekolah menengah di pada berada pada tahap tinggi dengan purata min (4.43). Berdasarkan dapatan kajian bagi penghayatan pelajar (perasaan), mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah pelajar sentiasa menetapkan objektif berdasarkan bimbingan guru dengan analisis yang dilakukan terhadap tajuk yang telah di ajarkan sebelum. Ini membuktikan pelajar dan guru sentiasa mengambil berat objektif yang akan ditetapkan seharusnya berdasarkan tahap keupayaan pelajar yang di dapati daripada pencapaian pembelajaran sebelumnya. Ini menunjukkan elemen kemahiran berfikir aras tinggi sentiasa diberi penekanan oleh guru pendidikan Islam di dalam kelas menyebabkan kefahaman pelajar akan dapat ditingkatkan. Namun penambahbaikan yang perlu dijalankan adalah berkaitan pelajar dan guru membentuk BBM yang perlu digunakan di dalam pengajaran kerana kefahaman pelajar dapat di adaptasi sekiranya guru berupaya mempelbagai kaedah pengajaran. Dari segi keseluruhannya, kajian ini mendapati wujud pengalaman yang tinggi dalam penghayatan akidah bagi komponen (kefahaman).

## **ii) Dapatan kajian penghayatan akidah (Perasaan)**

Guru-guru mengaplikasikan KBAT pada peringkat perasaan berada pada tahap yang tinggi dengan purata min (4.39). Berdasarkan dapatan kajian bagi komponen perasaan, mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah pelajar sentiasa ditekan budaya ikhlas, jujur dan amanah dalam setiap tindakan terutama di sekolah. Ini membuktikan guru menggunakan keupayaan kreativiti untuk meningkatkan keupayaan pelajar melalui aktiviti seperti kerja kumpulan, kebaikan mengamalkan sifat mahmudah dan . Ini menunjukkan terdapat penerapan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) oleh guru pendidikan Islam di dalam kelas menyebabkan pelajar lebih memahami untuk mengaplikasikan pembelajaran akidah yang dipelajari. Namun penambahbaikan yang perlu dijalankan adalah berkaitan pelajar diberikan panduan untuk mengamalkan nilai-nilai baik ini yang bertepatan dengan nilai akidah seseorang, ini pendekatan yang sememang sukar dilaksanakan di peringkat sekolah kerana pelajar terdedah dengan kepelbagaian persekitaran sama ada sekolah di bandar atau pun luar bandar.

## **iii) Dapatan Penghayatan Pelajar (kesan)**

Tahap penghayatan akidah pelajar sekiranya pengajaran dan pembelajaran (PdP) akidah mengaplikasikan KBAT dengan mencatatkan dengan purata min (4.40). Berdasarkan dapatan kajian bagi komponen kesan mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah pelajar melakukan refleksi (muhasabah) amalan seharian yang dilakukan. Ini membuktikan keupayaan guru memberi kebebasan kepada pelajar untuk melakukan muhasabah dengan guru melakukan bimbingan bagaimana muhasabah dijalankan, namun sebahagian proses penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini akan terjejas sekiranya pelajar tidak memahami bagaimana proses penghayatan akidah dapat dilaksanakan.

Oleh itu, kajian ini membuktikan , masih terdapat pelajar tidak memahami dengan jelas bagaimana penghayatan yang baik akan mengubah perlakuan seseorang pelajar dan seterusnya gejala sosial yang berlaku pada masa kini dapat di atasi, namun perubahan bukanlah perkara yang mudah dilaksanakan kerana ini memerlukan kesepaduan keseluruhan sistem termasuk dasar, pentadbiran dan proses pelaksanaan. Secara kesimpulannya menerusi tinjauan awal ini mendapati sememangnya wujud tahap penghayatan akidah yang memberi kesan kepada perlakuan seseorang pelajar sekiranya amalan pengajaran guru berdasarkan KBAT ini dilaksanakan secara sepenuhnya.

## **iv) Dapatan Keseluruhan**

Dapatan daripada hasil soal selidik yang dijalankan, tahap penghayatan akidah pelajar bersandarkan pengaplikasian KBAT di dalam PdP dengan mencatatkan min yang tinggi iaitu (4.43). Ini terhasil daripada dapatan bagi komponen kefahaman yang mencatatkan min (4.45), manakala bagi komponen perasaan mencatatkan min (4.44) manakala bagi komponen kesan yang mencatatkan min (4.40) daripada (elemen kemahiran membanding beza, menyusun mengikut urutan, membuat ramalan, kemahiran menjana idea, mencipta definisi, dan kemahiran mencipta analogi).

Ini menunjukkan bahawa wujudnya penghayatan akidah di kalangan pelajar sekiranya KBAT dilaksanakan di dalam amalan pengajaran guru pendidikan Islam namun beberapa penambahbaikan perlu dilakukan seperti penerapan berkaitan ganjaran sekiranya melakukan amalan dengan ikhlas melalui contoh teladan pelajar sesama pelajar, pengendalian sesi perbincangan di kalangan pelajar dan penilaian yang dilakukan guru sama ada terdapat penghayatan akidah di kalangan pelajar . Atas keberkesanan ini momentum pelaksanaan KBAT ini perlu diteruskan dan diperluaskan seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu menerusi kajian ini keupayaan pelajar memahami konsep, amalan dan apa hasil sekiranya pengajaran guru menggunakan KBAT melalui perancangan yang tersusun daripada guru. Berdasarkan hasil kajian ini, menunjukkan beberapa penambahbaikan di peringkat pengajaran dan pembelajaran (PdP) hendaklah menekankan aspek-aspek yang berikut iaitu, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan seperti penyampaian kefahaman akidah yang benar pasti akan mendapat jaminan syurga. Selain itu, kepelbagaian aktiviti-aktiviti yang menekankan kepada penumpuan untuk mencapai objektif pengajaran. Selain itu, elemen penyolatan perlu dipertingkatkan dan dipelbagaikan seperti adakah pelajar tahu tentang sesuatu tugas manusia

apabila dihidupkan di atas muka bumi ini?, adakah tugas itu sesuai dan sejajar dengan tahap keupayaan pelajar?. adakah tugas yang diberi itu ada kaitannya dengan arahan yang terdapat di dalam Al-Quran? adakah amalan yang dilakukan itu hasil daripada inisiatif pelajar sendiri, atau disebabkan arahan daripada guru?.Semua persolan ini menjadi pendorong kepada pelajar dalam meningkatkan asas kefahaman dan seterusnya menghayati akidah yang berbetulan dengan syariat Allah s.w.t.

Rumusannya keseluruhan daripada dapatan kajian ini dapat mengukuhkan dan memantapkan isi kandungan tahap penghayatan akidah di kalangan pelajar bersandarkan pelaksanaan KBAT dalam mata pelajaran pendidikan Islam dan menfokuskan kepada terma-terma penting di dalam elemen pemikiran aras tinggi serta beberapa persoalan-persoalan baru dalam memantapkan kefahaman pelajar tentang kepentingan memahami, menganalisis dan menerapkan amalan akidah di dalam kehidupan seharian pelajar

## RUMUSAN

Berdasarkan kajian ini telah mengemukakan data yang menunjukkan bahawa pelajar bagi peringkat sekolah menengah secara signifikan mempunyai tahap penghayatan akidah yang baik sekiranya wujud kemahiran pedagogi untuk mengajar KBAT di kalangan guru pendidikan Islam. Para pelajar ini percaya persediaan dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi, dan sikap mampu membentuk penghayatan yang mantap dalam diri pelajar dan pelajar mempercayai bahawa kurang kesediaan dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap untuk mengajar KBAT menyebabkan proses pengajaran hanya akan bersifat statik dan membosankan. Data yang dikumpulkan ini melalui soal selidik menyokong kajian-kajian sebelum ini bahawa amalan pengajaran KBAT di bilik-bilik darjah ini menyebabkan tahap penghayatan akidah yang berbeza sekiranya elemen pengajaran KBAT tidak diberi perhatian.

Maka dalam kajian yang seterusnya, elemen melibatkan guru seperti kesan kepada penghayatan pelajar boleh menjadi fokus kajian dalam memastikan kerangka pelaksanaan KBAT dapat diterapkan dalam setiap aspek amalan pengajaran guru di dalam kelas. Kajian yang seterusnya boleh melibatkan penelitian amalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sama ada melibatkan elemen kurikulum, pentaksiran dan bina upaya dan menggunakan analisis data kajian yang lebih mendalam dan terperinci.

## RUJUKAN

Al-Quran.

Ab Halim Tamuri dan Mohammad Khairul Azman AJuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep “ Muallim”. *Journal Islamic and Arabic Education* 2(1) 43-56.

Abdullah Nasih Ulwan (2002), *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*. Syed Ahmad Semait (terj.) Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd.

Abd Karim Zaidan. (2006). *Al-Wajiz fil Usul Fiqh*. Lebanon : Resalah Publishers

Al-Shāfi'i, Hasan Muhammad. (2010). *Lamhāt Min al-Fikr al-Kalāmī*. Qahirah : Dar al-Basair.

Amabile , Hennessey, B. A, and, T. M. (2010). Creativity. *Annual Review of Psychology* ; 61, 569-598.

Asmawati Suhid, dan Fathiyah Mohd Fakhruddin , (2012) *Gagasan pemikiran falsafah dalam pendidikan Islam: hala tuju dan cabaran*. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (4). pp. 57-70. ISSN 1985-6236

- Azhar Ahmad. (2006). Strategi pembelajaran pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. *Tesis Ph.D.* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Boaler, J. (2008). *Promoting 'Relational Equity' and High Mathematics Achievement Through an Innovative Mixed Ability Approach*. *British Educational Research Journal*. 34 (2), 167-194
- Brookhart, S. (2010), *How to Assess Higher Order Thinking Skills in Your Classroom*, ASCD
- Caroline@Lorena David dan Abdul Said Ambotang (2014). *Profesionalisme Guru Novis Dalam Pengurusan Pengetahuan, Kesediaan Mengajar dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Terhadap Pelaksanaan Pengajaran di Sekolah*. Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah
- Cohen, J. Lawrence Manion and Keith Marrison (2007). *Research Method in Education*. London ; Routledge, Francais and Taylor Group
- Creswell, J. W. (2009). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- J. Pallant. (2010). *SPSS Survival Manual A Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for Windows ,4<sup>rd</sup> Edition*, Crows West , New South Wales.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, dan Mohd Izham Mohd Hamzah. (2010). *Faktor Pentadbir Dan Pengetua Dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*. JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education, 2 (1). pp. 13-20. ISSN 1985-6236.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku Dasar Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kurikulum)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku Dasar Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Pedagogi)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku Dasar Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Pentaksiran)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Khairiah Binti Razali, (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pendidikan Islam*. Batu Pahat. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Khalid, T. (2010). *An Integrated Inquiry Activity in an Elementary Teaching Methods Classroom*. Science Activities: Classroom Projects and Curriculum Ideas.
- Krejciec, R.V & Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Saiz For Research Activities, Education and Psychological Measurement*, 30 : 608-619.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hisham Md Nawawi. (2011). *Pengajaran dan Pembelajaran : Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden*. Kongres pengajaran dan pembelajaran ; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Partnership for 21st Century Skills. (2010). *Beyond the Three Rs: Voter Attitudes Toward 21st Century Skills*. Tucson, AZ.

- Rajendran, Nagappan. (2001). *Teaching Higher-Order Thinking Skills in Language Classrooms: The Need For Transformation Of Teaching Practice*. Paper presented at the 9th International Conference on Thinking, Auckland, New Zealand.
- Rosnani Hashim. (2012). *Rethinking Islamic Education in Facing the Challenges of the Twenty-first Century*. American Journal of Islamic Social Sciences, 22(4): 133-147.
- Saavedra, A. & Opfer, V. (2012). *Learning 21st-century skills requires 21st-century teaching*. Phi Delta Kappan, 94(2), 8-13.
- Sarimah Mokhtar, Ab Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Nurul Huda Hassan, Mohamad Maliki Ali, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Zahiah Haris@ Harith & Mustafa Kamal Ahmad Kassim. (2011). *Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Personaliti dan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor*. Prosiding Penyelidikan International Conference and Exhibition On Research Islamic And Arabic Language Education. Bangi : Association of Malaysian Muslim Intellectual.
- Sidek Baba. (2010). *Kehidupan Sejahtera Terbina Atas Pendidikan Bersepadu*. Pendidik Bilangan 73.
- Siti Marlina Binti Sabran. (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Pelajar Tingkatan Lima Dalam Penyelesaian Matematik*. Johor Bharu : Universiti Teknologi Malaysia.
- Shaharom Bin Noordin & Nur Laili Binti Lockman. (2008). *Tahap Penguasaan Kemahiran Meramal Dan Kemahiran Mengawal Pembolehubah Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Kimia*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad, Mohd Uzi Dollah. (2013) : *Pengajaran Kemahiran Berfikir : Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Darjah : Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, Tanjung Malim ; Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wan Mat Sulaiman dan Hjh Norkhairiah Pg Hj Hashim. (2011). *Aplikasi Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran Pengetahuan Agama Islam*. Journal of Applied Research in Education, Vol 15, No.1 & 2, 2011, pp.43-58.
- Zaharah Hussin. (2005). *Keperluan Pendidikan Akhlak Dalam Latihan Perguruan Pendidikan Islam Latihan Perguruan. (The needs of akhlak education in Islamic Education teacher training) Dlm : Pentadbiran dalam Pembangunan Pendidikan*. Bentong : PTS Publication.
- Zainudin Hassan, Hamdan Said, Jamilah Omar, Haslita Hassan. (2005). *Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di Sekolah Menengah Daerah Kota Bahru, Kelantan*. Johor Bharu : Universiti Teknologi Malaysia.
- Zuraidah Ramdzan@Ramban. (2013). *Kesediaan, Amalan dan Strategi Pengajaran Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun Satu (KSSR)*. Johor Bharu. Universiti Teknologi Malaysia.